



SIARAN MEDIA

KPKT KOMITED TANGANI PROJEK PERUMAHAN SAKIT DAN TERBENGKALAI DI SELURUH NEGARA

KEDAH, 19 Mei 2023 – YB Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir, Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) hari ini mengadakan lawatan turun padang bagi meninjau sendiri status terkini dua projek pembangunan swasta yang berstatus sakit di negeri Kedah iaitu Projek Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM) Bukit Pinang, Alor Setar dan Projek Taman Residensi Mesra, Sungai Petani.

PPAM Bukit Pinang yang dimajukan oleh PKB PBA Realty Sdn. Bhd ini terletak di daerah Kota Setar, Kedah dan telah dilesenkan di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan Dan Pelesenan) 1966 (Akta 118) pada tahun 2018. Pemajuan sebanyak 183 unit rumah teres dua tingkat ini telah berada di peringkat akhir untuk disiapkan. Projek ini telah dimulakan pada tahun 2020 dan tarikh patut siap ialah pada 10 Oktober 2022.

Walau bagaimanapun, projek ini tidak dapat disiapkan dan mula berstatus sakit disebabkan beberapa isu seperti kenaikan kos bahan binaan dan masalah kewangan syarikat. Pemaju menjangkakan untuk memperoleh Sijil Penyiapan dan Pematuhan *atau Certificate of Completion and Compliance* (CCC) penuh selewat-lewatnya pada bulan Jun 2023. Surat sokongan daripada semua agensi telah diperolehi kecuali sokongan bagi lampu jalan daripada Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS). Berdasarkan makluman pemaju, pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) akan menjalankan kerja-kerja pengalihan lampu jalan mengikut kehendak MBAS dalam masa terdekat.

Seterusnya, YB Timbalan Menteri juga turut melawat tapak bagi pemajuan Taman Residensi Mesra yang dimajukan oleh Isaga Utara Sdn. Bhd. di Kuala Muda, Sungai Petani, Kedah. Pemajuan ini merupakan projek membina dan menyiapkan 405 unit rumah teres setingkat, 144 unit rumah teres dua tingkat bermula pada pada tahun 2020 dan sepatutnya siap pada 30 Mac 2023. Walau bagaimanapun, projek ini gagal disiapkan pada tarikh yang sepatutnya dan mula berstatus sakit pada tahun ini. Antara isu utama yang

menyebabkan projek ini berstatus sakit ialah penarikan kontraktor utama daripada projek ini. Lanjutan itu, pemaju telah melantik kontraktor baharu bagi menyambung semula kerja-kerja yang tergendala.

Lawatan tapak dan pemantauan secara rapi merupakan langkah yang telah dilaksanakan oleh pasukan KPKT dalam usaha memperkukuhkan salah satu daripada empat (4) elemen utama *Terms of Reference (TOR) Task Force* Projek Perumahan Swasta dan Terbengkalai iaitu melaksanakan pemantauan secara secara berterusan (*Resolve*).

KPKT sentiasa komited menangani masalah projek sakit dan terbengkalai di seluruh negara. Oleh itu, diharapkan Kerajaan Negeri juga terus memberikan kerjasama penuh bagi mengenal pasti projek yang bersesuaian dan berupaya untuk dipulihkan pada tahun ini bagi memastikan kesejahteraan para pembeli rumah yang terjejas.

#MalaysiaMADANI
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

